

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 June 2015

## PM: Rakyat perlu menilai setiap tuduhan berdasarkan fakta

UM - 13/6/2015

KUALA LUMPUR 12 Jun - Kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional (BN) sebenarnya telah menjayakan banyak transformasi kepada rakyat mahupun negara sejak enam tahun lalu dengan sebahagian besarnya sudah dinikmati oleh seluruh masyarakat.

Sehubungan itu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa semua pihak agar tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai tuduhan liar yang dilemparkan terhadap kepemimpinan semasa terutama oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sambil mengakui dalam mana-mana kerajaan pastinya ada kekurangan, beliau berkata, rakyat perlu menilai dengan fakta ke atas setiap tuduhan yang dibuat Dr. Mahathir kerana dalam banyak perkara, bekas Perdana Menteri itu bermain dengan persepsi.

"Kerajaan melakukan banyak transformasi dalam tempoh enam tahun lalu tetapi Tun (Dr. Mahathir) mengabaikannya. Dr. Mahathir hanya menekankan kepada tuduhan dan masalah kerana beliau tahu bagaimana mempengaruhi hikiran rakyat terhadap kerajaan dan saya.

"Beliau mengambil alih dan mengitar semula pembongkaran serta htnah pembangkang ke atas saya dan kerajaan. Sebab itu, saya menyeru kepada semua pihak

teliti faktanya dulukatanya menerusi siri jawapan terbaharu di blognya, [najibrazak.com](http://najibrazak.com) hari ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, jika beliau berundur daripada jawatannya sekalipun, Dr. Mahathir tetap akan mengganggu pentadbiran negara dengan menggunakan alasan demokrasi biarpun mengetahui kedudukan Perdana Menteri juga dipilih secara demokrasi.

Jelasnya, Dr. Mahathir semasa pentadbirannya memang telah mencatatkan banyak kejayaan hebat terutama kepada bangsa dan negara, tetapi sekarang adalah waktu kepemimpinan baharu dan sepatutnya bekas Perdana Menteri itu memberi dukungan, bukannya merosakkan.

Menyentuh mengenai isu IMalaysia Development Berhad (IMDB) pula, Najib sekali lagi mengulangi pendirian bahawa kerajaan tidak akan melindungi sesiapa, sebaliknya pihak yang terbukti bersalah akan dihadapkan ke muka pengadilan sebaik siasatan selesai.

Tegasnya lagi, langkah kerajaan meminta Ketua Audit Negara membuat forensik audit serta membenarkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) melakukan siasatan adalah tepat kerana daripada proses tersebut, baharulah tindakan undang-undang boleh diambil.